

## Lawatan ASEAN

CADANGAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, untuk melawat negara-negara ASEAN mulai dengan Indonesia lepas Hari Raya itu bukan sahaja mengakuri tradisi malah akan memenuhi satu keperluan. Memang sudah menjadi kebiasaan bagi seorang pemimpin baru sesabuah negara ASEAN mengadakan lawatan sedemikian. Pemimpin-pemimpin Thailand mematuhi amalan ini. Begitu juga pemimpin-pemimpin kita. Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn telah melakukan lawatan masing-masing. Lawatan ini selain memberikan peluang kepada Perdana Menteri mempererat hubungan persahabatan dengan pemimpin-pemimpin ASEAN akan juga membolehkan beliau bertukar nota dan fikiran mengenai perkembangan terbaharu di negara masing-masing. Dalam konteks ini walaupun Datuk Seri Dr. Mahathir telah menegaskan bahawa kepimpinannya akan tetap meneruskan dasar-dasar asas Kerajaan, dalam dan luar negeri, namun masih wujud keperluan untuk beliau membaharui hasrat untuk terus memperbaiki kandungan dan darjah persefahaman sesama ASEAN. Kerjasama antara negara seringkali lebih mudah diperteguh jika wujud hubungan rapat di antara pemimpin-pemimpinnya.

Tidak syak lagi bahawa kejayaan ASEAN hari ini sebagai satu pertubuhan serantau yang berpengaruh dan disegani oleh masyarakat antarabangsa ialah hasil dari wujudnya kerjasama dan persefahaman yang rapat di antara ahli-ahlinya. Eratnya persefahaman ini bukan sahaja jelas dari keupayaannya mencapai dan mempertahankan pendirian yang sama mengenai isu-isu ekonomi dan perniagaan tetapi juga terhadap usaha mencari penyelesaian masalah-masalah politik serantau. Ketegasan pendirian ASEAN mengenai masalah Kampuchea ternyata telah mendapat perhatian dan penghargaan dari seluruh masyarakat dunia. Ini terbukti dari sokongan yang telah diberikan oleh anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap cadangan dan pelaksanaan persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea yang telah ditaja oleh ASEAN. Tetapi jika ASEAN telah mampu memperjuangkan kepentingan serantau di forum-forum antarabangsa ia juga telah mencapai kejayaan yang bukan kecil di segi memperluas dan mempergiat kerjasama ekonomi, kebudayaan dan sosial antara negara anggota. Pelaksanaan projek-projek ASEAN yang semakin rancak dan penubuhan Perbadanan Kewangan ASEAN bulan lalu - dua bukti yang nyata - jelas menunjuk kepada kecenderungan untuk bidang dan asas kerjasama serantau ini menjadi bertambah luas dan tegap pada masa hadapan. Dalam konteks kerjasama yang kian meluas dan aspirasi untuk menjalin hubungan yang lebih rapat inilah lawatan Perdana Menteri ini mengambil makna yang besar.

## Ribut roti

NAMPAKNYA ribut roti yang dicituskan oleh para penjual yang enggan menjualnya disebabkan apa yang didakwa kegagalan pihak pembuat mengeluarkan satu jenis roti yang mempunyai berat yang standard kini telah pun berakhir. Bagaimanapun, dengan berakhirnya ribut roti ini, tidaklah bermakna roti yang dibeli itu mempunyai harga dan berat yang sama seperti dulu. Roti yang boleh dibeli sekarang, ialah roti yang mempunyai berat 350 gram sahaja sementara harganya pula 65 sen. Sehingga sekarang, motif keengganan para penjual meneruskan jualan mengikut harga baru yang tertakluk kepada berat sesebuku roti masih samar-samar. Mereka mendakwa sengketa memulaukan jualan itu adalah demi kepentingan para pengguna. Tetapi mengikut harga yang telah ditetapkan iaitu 65 sen bagi yang beratnya 350 gram dan 55 sen bagi yang beratnya 300 gram, kita tidak nampak satu sebab atau perbezaan yang terlalu kuat untuk mereka melancarkan pemulauan menjual roti.

Sebenarnya kenaikan harga roti ini telah pun diputuskan pada 25 Jun lalu, tetapi kerana terdapat masalah maka ia telah ditangguhkan sehingga awal bulan ini. Enam hari lalu, para penjual telah memulaukan penjualan roti yang dikeluarkan mengikut berat dan harga yang berlainan. Kini mereka telah mencapai persetujuan untuk menjual hanya roti-roti yang mempunyai beratnya 350 gram sahaja. Ribut harga roti ini adalah ekoran dari tindakan Kerajaan mengeluarkan roti dari senarai harga barangan yang dikawal. Langkah itu dirasakan wajar kerana bahan-bahan pengeluaran roti seperti tepung merupakan bahan yang masih dalam kawalan. Tetapi timbul pula satu keadaan dan pendapat yang berlainan antara pihak penjual dan pembuat dalam hal harga dan berat sesebuku roti. Dirasakan pemulauan baru-baru ini bukanlah terbit dari soal berat roti seperti yang didakwa oleh penjual tetapi oleh lain-lain hal. Sesungguhnya dari segi harga, setiap gram roti yang dijual adalah sama. Mungkin yang timbul masalah bagi penjual ialah tentang jumlah bungkusan yang dibawanya setiap hari dan juga laba yang diperolehi dari jualan.

Untuk orang ramai tidak selalu tertakluk kepada kerenah pembuat dan penjual roti maka adalah elok bagi pihak berkuasa melihat sedikit hal ini demi kepentingan semua pengguna. Tanpa ini, maka akan selalulah orang ramai tertakluk kepada tindak tanduk dua-dua pihak apabila timbul sedikit hal yang melibatkan pengeluaran dan penjualan roti yang kadang kala memang sukar untuk difahami.